



PEKELILING PERKHIDMATAN UMT BILANGAN 6 TAHUN 2018

KEMUDAHAN CUTI BERSALIN PEGAWAI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung kemudahan Cuti Bersalin kepada pegawai Perkhidmatan Awam, yang dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2017 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 telah menetapkan bahawa seseorang pegawai yang bersalin layak mendapat cuti bersalin bergaji penuh sebanyak 300 hari sepanjang tempoh perkhidmatannya. Pegawai juga diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara 60 hari hingga 90 hari bagi setiap kelahiran.

3. Bagi menjaga kebijakan penjawat awam wanita, Kerajaan telah bersetuju untuk menambah tempoh cuti bersalin bergaji penuh daripada 300 hari kepada 360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan.

PELAKSANAAN

Tafsiran

4. Dalam Pekeliling Perkhidmatan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

‘**Cuti Bersalin**’ adalah cuti yang diberikan kepada pegawai wanita untuk bersedia dan pulih daripada bersalin;

‘**Cuti Bersalin bergaji penuh**’ adalah Cuti Bersalin yang dibayar emolumen penuh mengikut kadar kelayakan yang telah ditetapkan;

‘**Cuti Bersalin tanpa gaji**’ adalah Cuti Bersalin yang tidak dibayar sebarang emolumen kepada pegawai yang telah menggunakan kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh;

‘**Pegawai**’ adalah merujuk kepada pegawai wanita UMT yang dilantik secara tetap, sementara dan kontrak (*contract of service*).

Kelayakan

5. Kelayakan dan peraturan kemudahan Cuti Bersalin ditetapkan seperti berikut:
- 5.1 kadar kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh ialah sebanyak **360 hari sepanjang tempoh perkhidmatan** seseorang pegawai;
- 5.2 tempoh maksimum Cuti Bersalin bagi setiap kelahiran adalah 90 hari. Walau bagaimanapun, pegawai diberi fleksibiliti untuk menentukan sendiri tempoh Cuti Bersalin antara **60 hari hingga 90 hari**¹ bagi setiap kelahiran; dan

¹ Tempoh mandatori minimum Cuti Bersalin ialah 60 hari bagi setiap kelahiran.

5.3 Cuti Bersalin bermula pada tarikh pegawai bersalin. Walau bagaimanapun, pegawai boleh memilih untuk menggunakan Cuti Bersalin lebih awal dari tarikh bersalin iaitu pada bila-bila masa dalam tempoh 14 hari dari tarikh dijangka bersalin.

6. Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:

- i. menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan
- ii. jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan
- iii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.

7. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan kemudahan berikut:

- i. menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan
- ii. jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.

8. Panduan pilihan kemudahan Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari adalah seperti di **Lampiran A**.

9. Cuti Bersalin separuh gaji dan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil oleh pegawai yang bersalin **tidak akan menjaskankan** kelayakan pegawai untuk menggunakan Cuti Separuh Gaji di bawah Perintah Am 51 Bab C Tahun 1974 dan Cuti Tanpa Gaji di bawah Perintah Am 14 dan 52 Bab C Tahun 1974.

10. Tempoh Cuti Bersalin adalah termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am. Namun begitu, pengiraan Cuti Rehat dalam tempoh Cuti Bersalin adalah **tidak termasuk** hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am.

11. Bagi pegawai lantikan kontrak (*contract of service*), kelayakan mereka adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam perenggan 5, 6 dan 7 di atas. Walau bagaimanapun, mereka tidak layak mengambil Cuti Menjaga Anak bagi menggantikan kelayakan Cuti Bersalin. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji yang diambil tidak menjelaskan kemudahan Cuti Tanpa Gaji Untuk Mengerjakan Haji sebagaimana yang diperuntukkan dalam perenggan 4, perkara 3, Surat Pekeliling Perkhidmatan UMT Bilangan 1 Tahun dan peraturan lain yang berkuat kuasa. Kemudahan Cuti Bersalin tanpa gaji ini juga tidak menyebabkan tempoh kontrak yang berkuat kuasa terputus.
12. Cuti Sakit tidak boleh digunakan bagi maksud menggantikan tempoh Cuti Bersalin kecuali Cuti Tibi, Kusta, Barah atau tempoh pegawai dimasukkan ke wad hospital kerana sakit bukan atas sebab bersalin.
13. Bagi pegawai yang telah melahirkan anak selepas 22 minggu mengandung, sama ada bayi itu hidup atau pun meninggal dunia adalah layak untuk diberi Cuti Bersalin memandangkan tubuh badan pegawai telah mengalami perubahan fizikal yang memerlukan Cuti Bersalin bagi tujuan pemulihan.
14. Tempoh perkhidmatan dengan Pihak Berkuasa Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan bagi seseorang pegawai yang diberi pelepasan untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam Persekutuan hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.
15. Tempoh perkhidmatan termasuk semasa pelantikan secara sementara atau pelantikan secara kontrak hendaklah diambil kira bagi maksud kelayakan kemudahan di bawah Pekeliling Perkhidmatan ini.
16. Urusan pentadbiran kemudahan Cuti Bersalin adalah seperti berikut:

- 16.1 pegawai hendaklah mengemukakan dokumen sokongan daripada hospital/klinik Kerajaan atau swasta yang mengesahkan tarikh dijangka bersalin bagi membolehkan Pendaftar meluluskan permohonan Cuti Bersalin dengan menggunakan borang seperti di Lampiran B Pekeliling Perkhidmatan ini;

- 16.2 bagi memudahkan urusan pentadbiran, pegawai **tidak boleh meminda** tempoh Cuti Bersalin yang telah diluluskan oleh Pendaftar; dan
- 16.3 Pendaftar hendaklah memastikan bilangan hari dan tempoh Cuti Bersalin yang diluluskan direkod di dalam Buku Rekod Perkhidmatan pegawai.

PANDUAN BAGI TEMPOH PERALIHAN

17. Bagi pegawai yang sedang dalam tempoh Cuti Bersalin seperti yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 hingga melepas tarikh 1 Januari 2018, pegawai boleh menggunakan kadar tambahan baharu ini mulai 1 Januari 2018. Contoh kaedah pelaksanaan kemudahan Cuti Bersalin dalam tempoh peralihan ini adalah seperti di **Lampiran C**.

PEMBATALAN

18. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2010 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

19. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2018**.

PANDUAN PILIHAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

- A. Bagi pegawai yang mempunyai baki Cuti Bersalin bergaji penuh kurang daripada 60 hari, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan pilihan kemudahan berikut:

↓
TURUTAN PENGGUNAAN CUTI BERSALIN

Kategori I Cuti Bersalin 60 hari hingga 90 hari	Kategori II¹		
	Cuti Bersalin dan Cuti Menjaga Anak (CMA)	Pilihan A	Pilihan B
menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	menggunakan semua baki Cuti Bersalin bergaji penuh; dan	jika masih tidak mencukupi, CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil.1/2015 digunakan, sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh.
jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan	jika tidak mencukupi, Cuti Rehat digunakan; dan	jika masih tidak mencukupi, CMA yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil.1/2015 digunakan.	jika masih tidak mencukupi, CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil.1/2015 digunakan, sehari selepas tamat tempoh Cuti Bersalin bergaji penuh.
jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	jika masih tidak mencukupi, CMA yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil.1/2015 digunakan.		

¹ Bagi pegawai yang bercadang meneruskan cuti dengan menggunakan kemudahan Cuti Menjaga Anak.

- B. Bagi pegawai yang telah menggunakan kelayakan maksimum 360 hari kemudahan Cuti Bersalin, pegawai hendaklah mengambil Cuti Bersalin antara 60 hingga 90 hari dengan menggunakan pilihan kemudahan berikut:

**TURUTAN PENGGUNAAN
CUTI BERSALIN**

Kategori I	Kategori II	
Cuti Bersalin	Cuti Bersalin dan CMA	
60 hari hingga 90 hari	Pilihan A	Pilihan B
menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan jika masih tidak mencukupi, Cuti Bersalin tanpa gaji digunakan.	menggunakan Cuti Rehat mulai dari tarikh bersalin; dan jika masih tidak mencukupi, CMA yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil. 1/2015 digunakan.	menggunakan CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin di bawah PP UMT Bil. 1/2015 mulai dari tarikh bersalin.

**UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
PEJABAT PENDAFTAR**

Aras 1, Bangunan Canselor dan Pentadbiran 21030
Kuala Nerus, Terengganu Darul Iman
Tel.: 09-668 4342 Faks: 09-669 6441

PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

Arahan: Maklumat hendaklah dilengkapkan dengan **jelas** dan menggunakan **huruf besar**. Perakuan Bersalin/Surat dijangka bersalin hendaklah dilampirkan.

BAHAGIAN I : BUTIRAN DIRI PEGAWAI

1. Nama Penuh :
2. No. Kad Pengenalan :
3. Jawatan :
4. PTj :
5. Tempoh Diperlukan : hari.
6. Tarikh : hingga
7. Tarikh Dijangka Bersalin (EDD):
 - i. kelayakan Cuti Bersalin yang telah digunakan : hari
 - ii. baki kelayakan Cuti Bersalin (jika ada) : hari

BAHAGIAN II : BUTIRAN PERMOHONAN KEMUDAHAN CUTI BERSALIN

8. Turutan kemudahan Cuti Bersalin yang dipohon (Tandakan ✓ pada yang berkenaan)

(a) **Cuti Bersalin bergaji penuh**Tarikh Bersalin : Mulai : hingga Jumlah hari yang dipohon : hari
(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)(b) **Cuti Rehat yang berkelayakan**Mulai : hingga Jumlah hari yang dipohon : hari
(**tidak termasuk** hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(c) **Cuti Bersalin tanpa gaji**

Mulai : hingga

Jumlah hari yang dipohon : hari

(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(d) **Cuti Menjaga Anak (CMA) yang tidak terikat dengan Cuti Bersalin** di bawah PP UMT Bil. 1/2015

Mulai : hingga

Jumlah hari yang dipohon : hari

(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

(e) **CMA yang bersambung daripada Cuti Bersalin** di bawah PP UMT Bil. 1/2015

Mulai : hingga

Jumlah hari yang dipohon : hari

(termasuk hari rehat mingguan, hari kelepasan mingguan dan hari kelepasan am)

9. Saya dengan ini mengesahkan bahawa maklumat sebagaimana yang dinyatakan di **Bahagian I dan II adalah benar.**

Tarikh :

(Tandatangan pemohon)

Kelayakan Cuti Bersalin di bawah Pekeliling Perkhidmatan UMT Bil. 6 Tahun 2018 : 360 hari

Tolak : Kelayakan Cuti Bersalin yang telah digunakan : (_____) hari

(60 hari x ____ kali)

(90 hari x ____ kali)

(____ hari x ____ kali)

Baki kelayakan Cuti Bersalin : _____ hari

Tarikh :

Pembantu Tadbir (Urusetia Cuti)

BAHAGIAN III : ULASAN PEGAWAI BERTANGGUNGJAWAB/KETUA PTj/KETUA UNIT

10. Permohonan Cuti Bersalin pegawai ini **disokong / tidak disokong.**

Tarikh :

(T/tangan dan Cap Jabatan)

BAHAGIAN IV: PENGESAHAN DAN KEPUTUSAN PENDAFTAR

10. Permohonan kemudahan Cuti Bersalin bagi pegawai adalah **DILULUSKAN/TIDAK DILULUSKAN***

pada/mulai hingga

Tarikh :

(T/tangan dan Cap Jabatan)

*potong mana yang tidak berkenaan

LAMPIRAN C

SIMULASI CUTI BERSALIN DALAM TEMPOH PERALIHAN


Contoh 1:

Pegawai A bersalin pada **6.11.2017**. Beliau mempunyai **baki Cuti Bersalin bergaji penuh sebanyak 30 hari** dan masih mempunyai baki Cuti Rehat sebanyak 6 hari. Beliau memohon dan telah diluluskan **Cuti Bersalin sebanyak 60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

SEBELUM PELAKSANAAN PP UMT BIL. 5/2018:

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	6.11.17 - 5.12.17	30
2.	Cuti Rehat (CR)	6.12.17 - 8.12.17	3
3.	Hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan (hrm+hkm)	9.12.17 & 10.12.17	2
4.	Cuti Rehat (CR)	11.12.17 - 13.12.17	3
5.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	14.12.17 - 4.1.18	22
Jumlah			60


Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:



SELEPAS PELAKSANAAN PP UMT BIL. 5/2018:

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	6.11.17 - 5.12.17	30
2.	Cuti Rehat	6.12.17 - 8.12.17	3
3.	Hari rehat mingguan dan hari kelepasan mingguan	9.12.17 & 10.12.17	2
4.	Cuti Rehat	11.12.17 - 13.12.17	3
5.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	14.12.17 - 31.12.17	18
6.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	1.1.18 - 4.1.18	4
Jumlah			60

Ilustrasi penjelasan di atas adalah seperti berikut:




Contoh 2:

Pegawai C bersalin pada **20.11.2017**. Beliau **tiada kelayakan Cuti Bersalin bergaji penuh** tetapi masih mempunyai baki Cuti Rehat sebanyak 5 hari. Beliau memohon dan telah **diluluskan Cuti Bersalin sebanyak 60 hari**. Pecahan Cuti Bersalin 60 hari adalah gabungan kemudahan cuti seperti berikut:

SEBELUM PELAKSANAAN PP UMT BIL. 5/2018:

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Rehat (CR)	20.11.17 - 24.11.17	5
2.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	25.11.17 - 18.1.18	55
Jumlah			60

Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:



SELEPAS PELAKSANAAN PP UMT BIL. 5/2018:

Bil	Kenyataan	Tarikh	Bilangan Hari
1.	Cuti Rehat (CR)	20.11.17 - 24.11.17	5
2.	Cuti Bersalin tanpa gaji (CBtg)	25.11.17 - 31.12.17	37
3.	Cuti Bersalin bergaji penuh (CBbp)	1.1.18 - 18.1.18	18
Jumlah			60

Ilustrasi penjelasan adalah seperti berikut:

